



Manuscript Title: Kajian Tentang Akhbar Cetakan Dan Atas Talian Bahasa Melayu Terhadap Isu Berkaitan Dengan China - Pandemik COVID-19 Sebagai Kes Kajian

Authors: Fan Pik Shy

Accepted Date: 31-January-2024

Please cite this article as: Fan Pik Shy. Kajian tentang akhbar cetakan dan atas talian bahasa Melayu terhadap isu berkaitan dengan China - Pandemik COVID-19 sebagai kes kajian. *Kajian Malaysia* (Early view).

This is a provisional PDF file of an article that has undergone enhancements after acceptance, such as the addition of a cover page and metadata, and formatting for readability, but it is not yet the definitive version of record. This version will undergo additional copyediting, typesetting and review before it is published in its final form, but we are providing this version to give early visibility of the article.

Kajian Malaysia (early view)

**KAJIAN TENTANG AKHBAR CETAKAN DAN ATAS TALIAN
BAHASA MELAYU TERHADAP ISU BERKAITAN DENGAN CHINA -
PANDEMIK COVID-19 SEBAGAI KES KAJIAN**

***A STUDY OF MALAY LANGUAGE PRINT AND ONLINE NEWSPAPER
REPORTING ON CHINA: COVID- 19 PANDEMIC AS CASE STUDY***

Fan Pik Shy

Institut Pengajian China, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya,
Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia

Email: fanpikshy@um.edu.my

ABSTRACT

In early 2020, the coronavirus pandemic began in China and quickly spread to the rest of the world. Malaysians followed the China pandemic crisis closely through development in public opinion. This article will examine the period from January 2020 to December 2020, as well as the following Malay language print and online newspapers: Berita Harian, Sinar Harian, Harian Metro, Awani and Malaysiakini. This paper will discuss the Malay language newspapers' reports on how Malaysia and China worked together to contain and control the pandemic. The method, content and manner of reporting will be analyzed in order to have a better understanding of Malay media perception towards the pandemic. Additionally, this paper will help to gain some insight into the the perception of Malay language newspaper readers's knowledge and impression of China.

Keywords: COVID-19, China, Malay language newspaper, print newspaper, online newspaper

ABSTRAK

Pada awal tahun 2020, virus Covid-19 mula menular di China dan kemudian telah tersebar ke serata dunia. Masyarakat Malaysia mengambil perhatian akan isu pandemik yang berlaku di China melalui pandangan umum. Artikel ini akan mengkaji laporan media terhadap langkah dan tindakan pencegahan dan pengawalan krisis wabak Covid-19 antara Malaysia-China dalam jangka masa dari Januari 2020 sehingga Disember 2020. Kajian ini menggunakan akhbar cetakan "Berita Harian", "Sinar Harian", "Harian Metro", dan juga medium

© Penerbit Universiti Sains Malaysia, year. This work is licensed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY) (<http://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>).

penyampaian berita atas talian, iaitu “Awani” dan “Malaysiakini” sebagai bahan kajian. Analisis tentang kandungan berita dan sumber berita diperoleh dibuat bagi memahami ciri-ciri laporan media berbahasa Melayu terhadap pandemik Covid-19 dengan lebih mendalam. Kajian ini juga akan memberi pencerahan tentang kecenderungan laporan media terhadap negara China dan tanggapan masyarakat pembaca surat khabar berbahasa Melayu terhadap China.

Kata kunci: COVID-19, China, akhbar bahasa Melayu, akhbar cetakan, akhbar atas talian

PENDAHULUAN

Sejak sekian lama, Malaysia dan China mempunyai hubungan dan kerjasama yang sangat baik bukan sahaja daripada hubungan antara kerajaan dengan kerajaan malah hubungan sektor kerajaan dan swasta juga amatlah signifikan. Dapat dilihat dengan jelas bahawa dari sudut pandangan dan perspektif Malaysia, hubungan antara kedua-dua buah negara ini telah berkembang dengan amat positif sejak dua dekad lalu terutamanya selepas Inisiatif Jalur dan Jalan (*Belt and Road Initiative, BRI*) dilancarkan. Hal ini disokong apabila dapat dilihat dengan jelas bahawa banyak orang China datang ke Malaysia untuk menjalankan urusan pelaburan, perniagaan, pendidikan, pelancongan dan sebagainya yang sekaligus merancakkan ekonomi dan hubungan antara kedua-dua buah negara. China masih merupakan rakan dagang Malaysia terbesar sejak 2009 dengan nilai dagangan pada suku ketiga 2020 sebanyak 88 bilion Ringgit Malaysia atau 19.1 peratus daripada jumlah perdagangan keseluruhan negara. (Alzahrin Alias, 2020) Dalam sektor pelancongan pula, Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Muhammad Bakhtiar Wan Chik berkata bahawa kedatangan pelancong China menunjukkan peningkatan 20 hingga 30 peratus berbanding dengan tahun 2017, yakni dari 2.2 juta pada tahun 2017 meningkat ke 2.5 juta pada bulan Oktober 2018 (“Pelancong China paling ramai melawat Malaysia - Bakhtiar”, 2018).

Setelah merebaknya virus Covid-19 sekitar awal tahun 2020, komuniti di serata dunia menghadapi satu tempoh yang amat sukar untuk membanteras virus ini daripada terus menular. Kebanyakan negara mengambil inisiatif dan tindakan untuk menghentikan kesemua aktiviti sosial dan ini secara tidak langsung telah mengubah gaya hidup masyarakat. Negara China pula, semasa sambutan Festival Musim Bunga (Tahun Baharu Cina), virus tersebut telah menyerang bandar Wuhan di China. Keadaan masyarakat China pada ketika itu sangat kritikal kerana kekurangan bekalan perubatan. Kerajaan Malaysia dan masyarakat telah mengambil tindakan segera untuk menghantar bekalan ubat-ubatan dan peralatan perubatan ke China kerana China dilihat sebagai rakan baik bagi Malaysia dan

akan sentiasa menghulurkan bantuan sekiranya perlu. Kerajaan Malaysia telah menggerakkan 10 buah syarikat pengeluaran sarung tangan getah dengan menyumbangkan sekitar 18 juta sarung tangan perubatan kepada Wuhan pada bulan Februari (“Malaysia sumbang 18 juta sarung tangan ke Wuhan”, 2020) manakala pertubuhan, persatuan dan kelab swasta di Malaysia juga turut melancarkan aktiviti kutipan dana bagi mendapatkan keperluan perubatan untuk dihantar ke China (Khoo Gek San, 2020). Pada bulan Mac, kes jangkitan Covid-19 di Malaysia mula meningkat dengan mendadak. Ketika Malaysia dalam keadaan memerlukan bantuan, China pula tidak tertinggal dalam menghulurkan bantuan dengan membekalkan pelitup muka, tenaga pakar dan sebagainya kepada Malaysia. Hal ini menggambarkan dengan jelas bahawa Malaysia dan China saling berganding bahu dan bertepatan dengan bak kata pepatah “gunung sama didaki, lurah sama dituruni”. Pada tahun 2020, pandemik Covid-19 telah membawa kepada arus normal baharu dan akan bertahan buat satu jangka masa yang lama. Masyarakat global telah mula membahaskan beberapa perkara berkaitan dengan virus tersebut. Masyarakat Malaysia juga tidak ketinggalan dalam membahaskan isu ini. Topik ini amatlah signifikan untuk mengkaji bagaimana masyarakat mendapatkan dan membuat penilaian yang lebih tepat berdasarkan maklumat yang diterima. Oleh itu, artikel ini membincangkan penyampaian berita oleh akhbar bahasa Melayu dalam situasi Malaysia dan China bersama-sama menghadapi virus yang terus menular, menganalisis laporan yang disampaikan, kandungan dan sumbernya. Kajian ini akan membantu masyarakat memahami ciri-ciri media di Malaysia dalam menyampaikan sesebuah isu berkaitan dengan China dengan lebih mendalam dan sekaligus membantu dalam memahami persepsi masyarakat Malaysia khususnya pembaca berbahasa Melayu terhadap negara China.

PERNYATAAN MASALAH KAJIAN

Tahun 2020 merupakan tahun yang penuh cabaran dan dugaan kepada semua lapisan masyarakat dunia. Pandemik Covid-19 yang bermula dari bandar Wuhan di China telah menular ke semua pelosok dunia dalam tempoh yang sangat singkat. Masyarakat dunia terpaksa mengamalkan normal baharu dengan mengubah aktiviti sosial harian. Normal baharu ini berterusan dan berlanjutan untuk satu jangka waktu yang panjang sehingga vaksin dihasilkan ataupun wabak ini dapat dihapuskan. Ketidaktentuan dan kecelaruan pandemik telah menyebabkan masyarakat global membincang, membahaskan dan memberi pandangan secara meluas tentang isu dan topik berkaitan Covid-19 terutamanya yang berkaitan dengan negara China.

Dengan penyertaan daripada pemimpin negara, tokoh politik ataupun individu yang terkenal, perbincangan atau pandangan ini secara tidak langsung telah

menunjukkan persepsi seseorang atau masyarakat terhadap negara China. Malaysia juga merupakan salah sebuah negara yang prihatin terhadap perkembangan isu umum global ini. Rakyat Malaysia sentiasa mengikuti perkembangan isu Covid-19 berkaitan China melalui media bercetak dan media sosial. Bagaimana topik ini dibincangkan, dari mana sumber maklumat ini diperolehi, siapakah yang membincangkannya dan bagaimanakah isu ini difahami rakyat Malaysia terutamanya masyarakat pembaca berbahasa Melayu adalah amat penting kerana hal ini akan memberi impak dari segi persepsi dan pemahaman pembaca berbahasa Melayu terhadap negara China. Oleh itu, kajian pemaparan akhbar cetakan dan atas talian berbahasa Melayu terhadap China melalui isu Covid-19 adalah wajar untuk dilakukan untuk melihat persepsi dan kecenderungan pandangan golongan ini terhadap negara China.

OBJEKTIF DAN PERSOALAN KAJIAN

Memandangkan kepentingan dan kesignifikanan hubungan antara Malaysia dengan China, isu dan topik yang disampaikan oleh pihak media tentang isu yang berkaitan dengan negara China dilihat wajar dan penting untuk dikaji kerana hal ini mempunyai kesan yang signifikan terhadap persepsi dan pemahaman pembaca berbahasa Melayu tentang negara China. Secara umumnya, kajian ini bertujuan untuk mengkaji pemaparan akhbar cetakan dan atas talian berbahasa Melayu terhadap China melalui isu Covid-19 dari segi prestasi China dalam memerangi pandemik, sumbangannya kepada dunia antarabangsa khususnya negara Malaysia dan lain-lain lagi. Persoalan yang menjadi tunjang kepada kajian ini adalah:

1. Apakah kekerapan dan perkembangan isu Covid-19 berkaitan dengan China yang dipaparkan dalam akhbar cetakan dan atas talian berbahasa Melayu yang dikaji?
2. Bagaimanakah medium penyampaian berita berbahasa Melayu yang dikaji memaparkan isu Covid-19 yang berkaitan dengan negara China?
3. Apakah sumber berita yang digunakan oleh medium penyampaian berita bertulis dan atas talian ini?
4. Sejauh manakah kecenderungan akhbar cetakan dan atas talian berbahasa Melayu yang dikaji dalam penyampaian berita Covid-19 berkaitan dengan China?

TINJAUAN LITERATUR

Teori Pembangkaian

Teori Pembingkai atau *Framing Theory* digunakan untuk menjelaskan kandungan, sumber laporan yang disampaikan oleh akhbar dan pengaruh media terhadap pandangan masyarakat tentang isu Covid-19 berkaitan China. Menurut Entman (1993), pembingkai bermaksud memilih aspek-aspek realiti yang dilihat dan menjadikannya lebih menonjol untuk mempromosikan sesuatu seperti definisi masalah, tafsiran sebab akibat, penilaian moral, dan/atau cadangan rawatan. Bosman & d'Haenens (2008) pula melihat pembingkai sebagai cara interpretasi khusus tentang fakta-fakta diterjemahkan atau 'diselitkan' ke dalam teks. Dengan itu, mereka berpendapat pembingkai akan membentuk kecenderungan, iaitu penyimpangan dari objektiviti. Maka, Griffin dan Glan (2003) berpendapat pembingkai merangkumi proses-proses untuk menarik perhatian yang secara tidak langsung berkemungkinan mampu menimbulkan reaksi yang berbeza.

Griffin dan Glan (2003) juga menyenaraikan ciri-ciri berita yang kebiasaannya digunakan dalam pembingkai seperti tajuk utama, sub-tajuk, gambar dan keterangan gambar. Menurut Wong (2004), Ghanem telah menggariskan empat dimensi utama dalam pembingkai yang boleh dikaji, iaitu pembentangan item berita, topik berita, sifat kognitif dan sifat afektif. Weaver (2007) pula menjelaskan bahawa pembingkai dapat dikaji sama ada melalui analisis isi kandungan yang sistematik atau analisis tafsiran teks sahaja.

Manheim dan Albritton (1984) pula merumuskan bahawa analisis dalam Teori Pembingkai biasanya merangkumi tiga aspek, iaitu keterlihatan (*visibility*), valensi (*valence*) dan genre (*frame genre*). Keterlihatan merujuk kepada jumlah dan tahap kepentingan yang diberikan terhadap sesuatu isu, dan biasanya ditunjukkan oleh elemen khas seperti penempatan artikel dalam akhbar atau laman web. Kecenderungan atau valensi dalam berita dan nada penyampaiannya dipercayai berpotensi menghasilkan kesan kepada sesuatu pemikiran, tingkah laku atau tindakan. Dengan menunjukkan pembawaan unsur-unsur positif atau negatif, berita tersebut akan menunjukkan sejauhmana liputan berita mencerminkan baik buruk tentang sesuatu isu.

Di samping itu, Bruggeman (2014) menegaskan bahawa pendekatan pembingkai merupakan alat yang berkuasa dan ampuh bagi menganalisis praktis kewartawanan dan penyampaian berita. Beliau berpendapat bahawa liputan yang dihasilkan terbahagi kepada tiga kategori. Yang pertama, sekiranya seorang penulis menyatakan pandangannya sendiri berkenaan sesuatu isu, tafsirannya akan menguasai liputan berkenaan. Yang kedua, tafsiran yang neutral, iaitu penulis menyampaikan sesuatu isu yang sebahagiannya bersesuaian dengan pandangannya dan yang lain bertentangan dengan pandangannya. Yang ketiga, penulis menyampaikan isu yang dibekalkan oleh agensi luar. Hal ini biasanya

melibatkan penyusunan semula bingkai sokongan yang sekaligus membawa kepada penyesuaian.

Media dilihat tidak hanya mempengaruhi persepsi atau pendapat, tetapi juga berperanan dalam membentuk sikap masyarakat terhadap masyarakat dan negara luar yang digambarkan oleh media. Entman (1989) mendapati terdapat hubungan yang sangat signifikan antara media dengan sikap masyarakat. Dengan lambakan perhatian yang diberi oleh pihak media, masyarakat cenderung mengubah sikap mereka terhadap sesuatu isu yang kurang dikenali atau kurang diketahui ataupun isu yang berkaitan dengan negara asing.

Kajian tentang laporan media terhadap negara China

Dengan kebangkitan status antarabangsa dan pengaruh yang kian meningkat, China telah menjadi perhatian semua negara. Semenjak tahun 1990-an, para sarjana telah memberi perhatian kepada laporan media cetakan arus perdana terhadap negara China terutamanya laporan media Barat. Kajian-kajian ini menunjukkan media Barat banyak memaparkan artikel yang bersifat negatif, terutamanya berita yang berkenaan politik (Li Rui, 1998; Liu Hua, 2013; Liss, 2003), hak asasi manusia (Li Rui, 1998; Yang Yi, 2009; Li Xin, 2010; Liu Hua, 2013; Liss, 2003), demokrasi China (Yang Yi, 2009) dan isu Tibet (Li Xin, 2010). Selain itu, isu ekonomi China juga menjadi tumpuan media Barat (Yang Yi, 2009; Li Xin, 2010) dan laporan isu ekonomi juga berkecenderungan negatif (Li Xin, 2010; Li Yinbo, 2020). Dalam kajian Liss (2003), didapati isu rasuah dan ketidakstabilan sosial sentiasa menggambarkan imej negatif China yang sekaligus memutarbelitkan imej China (Li Rui, 1998). Menurut Li Xin (2010), hal sebegini berlaku kerana kebanyakan pemberita negara tersebut berpegang pada konsep “berita buruk adalah berita baik” dan juga disebabkan pemahaman terhadap China yang kurang. He Ying (2004) pula berpendapat ini disebabkan oleh interaksi antara media Amerika itu sendiri dan hubungan konstruktivisme antara Sino-Amerika manakala Cheng Manli (2002) dan Zhang Jian (2007) berpendapat media Barat melapor dan menilai China dari perspektif kepentingan negara masing-masing. Bagaimanapun, apabila menyentuh isu kuasa lembut China, terdapat media yang memaparkan liputan berita yang bersifat positif (Liu Hua, 2013).

Pengkaji-pengkaji yang menganalisis laporan berkaitan dengan China dalam media Rusia mendapati liputan berita berkaitan China yang positif adalah lebih banyak berbanding liputan yang negatif, dan China ditunjukkan sebagai sebuah negara yang kaya dengan budaya, maju dalam sains dan teknologi, mempunyai tentera yang kuat dan merupakan rakan strategik bagi Rusia (Ma Lina, 2020; Qian Sheng, 2020). Menurut Qian Sheng, perkembangan pesat China dan hubungan China dengan Rusia yang semakin erat dan rapat telah menyebabkan

liputan berita berkaitan China yang positif meningkat dengan ketara dan persepsi masyarakat Rusia terhadap China bertambah baik.

Media Afrika membina imej China secara pluralistik, iaitu memaparkan China sebagai sebuah negara yang berimej positif dan negatif dengan melaporkan tentang hubungan antara Afrika-China, aspek kerjasama ekonomi dan perdagangan. Imej positif yang banyak dinyatakan adalah seperti “China sebagai negara yang kuat” dan “China sebagai rakan kongsi” manakala bagi imej negatif yang sering dipaparkan adalah seperti “China yang membimbangkan” (Liu Wenyu dan Mao Weiwei, 2020). Begitu juga halnya dengan media di Afrika Selatan, imej China yang positif dilihat sebagai rakan karib Afrika Selatan, pembantu ekonomi yang boleh diharap dan penyelesaian kepada masalah dunia manakala imej negatif dipaparkan sebagai penjajah, pengeksploitasi dan pengancam (Wang Qing, 2020).

Bagaimanakah media di Asia melaporkan China? Didapati imej China dalam kebanyakan media di Asia berkecenderungan neutral (Li Duorong, 2009; Zheng Chuang, 2010; Ma Jing, 2014) dan berita berkaitan China yang menjurus ke arah negatif adalah lebih tinggi berbanding berita bersifat positif (Li Duorong, 2009; Zheng Chuang, 2010). Menurut Ma Jing (2014), berita yang sering cenderung bersifat negatif adalah yang melibatkan isu berkaitan dengan keadaan alam sekitar dan politik di China.

Hasil kajian Li Qianqing (2012) terhadap akhbar arus perdana Jepun adalah berbeza dengan hasil kajian di atas. Beliau mendapati liputan berita tentang China adalah positif secara keseluruhannya. Kecenderungan berita positif dan neutral adalah kira-kira 88.1% manakala hanya 5.4% adalah berkecenderungan negatif.

Secara keseluruhannya, dapat disimpulkan bahawa media Barat lebih cenderung membuat liputan negatif berbanding dengan negara-negara Timur dan Afrika, khususnya berita yang berkaitan dengan hak asasi manusia, politik dan isu Tibet. Untuk negara-negara yang mempunyai hubungan baik dengan China, China dilihat sebagai negara yang kuat, rakan kongsi dan boleh dipercayai. Bagaimanapun, sesetengah media juga melihat China sebagai penjajah, pengeksploitasi dan pengancam yang membimbangkan. Negara-negara Asia mempunyai persepsi yang lebih baik terhadap China. Kebanyakan laporan berita menunjukkan kecenderungan positif dan neutral.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dan kuantitatif untuk mendapat dapatan kajian. Kaedah kualitatif deskriptif digunakan untuk menjelaskan dapatan kajian. Pandangan positif dan negatif terhadap China dalam isu Covid-19 dan isu-isu berkaitan menerusi akhbar cetakan dan atas talian berbahasa Melayu pada tahun 2020 akan dijelaskan. Pandangan ini memainkan peranan penting kerana mampu menarik perhatian serta mempengaruhi pembentukan pandangan pembaca.

Analisis isi kuantitatif dilakukan untuk mengklasifikasikan data kepada bentuk jadual untuk digunakan dalam penerangan deskriptif. Kajian ini menggunakan kata kunci “Covid-19”, “Virus Wuhan”, “cov-19” “koronavirus” dan “vaksin” untuk mendapat data daripada media cetakan dan atas talian berbahasa Melayu yang menyentuh tentang penularan wabak Covid-19 di China, kerjasama dan bantuan antara China-Malaysia dalam membendung penularan pandemik Covid-19 dan sebagainya. Analisis dilakukan dengan menghitung bilangan berita yang mengandungi kata kunci tersebut dan kemudian dikategorikan mengikut aspek-aspek bilangan berita mengikut bulan, agensi berita yang membekalkan berita, kolum yang menyiarkan berita berkenaan dan komponen isi yang berkaitan dengan Covid-19. Kemudian, berita-berita tersebut diklasifikasikan kepada berita yang berkecenderungan sikap positif, negatif atau neutral. Berita positif ialah berita yang mengandungi unsur-unsur atau memaparkan sesuatu yang baik seperti bekerjasama, penyelamatan, pengorbanan manakala berita negatif ialah berita yang mengandungi unsur-unsur keburukan seperti pertengkar, tragedi dan pencelaan. Berita neutral pula ialah berita yang dipaparkan tanpa memihak kepada mana-mana pihak (dalam Setiawan, 2020).

Dari segi skop kajian, kajian ini menfokuskan laporan berita akhbar cetakan dan atas talian berbahasa Melayu tentang isu Covid-19 berkaitan dengan China dari bulan Januari sehingga Disember 2020. Hanya akhbar berbahasa Melayu digunakan sebagai subjek kajian kerana bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan Malaysia dan dibaca rakyat Malaysia. Bagi akhbar cetakan Berita Harian, Sinar Harian dan Harian Metro difokus dan dipilih kerana mempunyai kadar pembacaan (*readership*) yang tinggi. Misalnya Harian Metro merupakan akhbar harian bahasa Melayu nombor satu dengan purata edaran sebanyak 313,690 maskah sehari bagi tempoh Januari hingga Jun tahun 2014 (“Harian Metro kekal akhbar harian Melayu terunggul”, 2014) manakala Berita Harian adalah akhbar yang mencatat peningkatan edaran tertinggi bagi tempoh enam bulan pertama tahun 2014 (“BH catat peningkatan edaran tertinggi”, 2014). Akhbar atas talian yang dikaji pula terdiri daripada Awani dan Malaysiakini. Kedua-dua media atas talian ini mempunyai “*Organic Traffic*” yang tinggi dengan masing-masing mencatat “*Organic Traffic*” sebanyak 831,933/sebulan dan 2,165,695/sebulan (“Senarai Top 10 Berita / Newspaper Online Di Malaysia”, 2019). Selain itu, lima buah media pilihan ini juga mudah untuk

diakses berbanding dengan akhbar lain seperti Utusan Malaysia yang terhenti seketika operasinya atas faktor kewangan.

PENGANALISISAN DATA DAN DAPATAN KAJIAN

Data Statistik Isu Covid-19 Dalam Lima Akhbar Berbahasa Melayu

Semenjak tersebarnya Covid-19 di bandar Wuhan negara China pada awal tahun 2020, media Malaysia telah menyiarkan banyak berita yang memaparkan keadaan semasa di China. Dapat dilihat bahawa media merupakan tonggak dan memainkan peranan yang penting dalam penyampaian sesuatu isu semasa, memaparkan maklumat yang tepat dan terkini kepada khalayak umum. Kajian mendapati dari Januari hingga Disember, lima buah media akhbar berbahasa Melayu yang dikaji telah memaparkan sebanyak 1124 buah artikel atau berita berkaitan China tentang Covid-19 dan Berita Harian merupakan pengeluar artikel berkaitan China tentang Covid-19 yang terbanyak berbanding dengan akhbar yang lain dengan jumlah 380 buah artikel, iaitu kira-kira 33.8 %. Ini dibuktikan lagi apabila, pada bulan Februari sahaja, paparan artikel berkaitan China tentang Covid-19 dalam Berita Harian adalah berjumlah 133 buah artikel. Ini merupakan paparan artikel berkaitan China yang paling tinggi sepanjang tahun dan merangkumi 35% daripada keseluruhan kutipan artikel. Bulan Februari adalah bulan wabak Covid-19 pesat tersebar dan menjangkiti ramai orang. Kajian ini juga menunjukkan trend penurunan di bulan-bulan berikutnya. Ini disebabkan wabak Covid-19 di China mula dapat dikawal tetapi kes jangkitan di negara lain termasuk Malaysia pula meningkat dengan ketara. Sehubungan itu, liputan berita tentang Covid-19 di China semakin berkurangan dan tumpuan yang lebih telah diberikan terhadap keadaan atau perkembangan di Malaysia.

Jadual 1: Statistik Isu Covid-19 dalam lima akhbar berbahasa Melayu

Akhbar	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogo	Sep	Okt	Nov	Dis	Jumlah	%
Berita Harian	71	133	46	30	28	10	11	8	7	10	14	12	380	33.8
Sinar Harian	43	67	26	38	12	13	11	8	4	5	9	19	255	22.7
Harian Metro	28	57	11	13	5	4	4	2	3	3	2	8	140	12.5
Awani	62	56	23	14	12	11	10	11	9	10	15	10	243	21.6
Malaysiakini	56	21	3	2	2	3	2	2	4	3	3	5	106	9.4
Jumlah	260	334	109	97	59	41	38	31	27	31	43	54	1124	100.0

Berdasarkan jadual 1, artikel-artikel dalam akhbar cetakan dan atas talian pada bulan Januari didominasi oleh “virus misteri”. Didapati Berita Harian memaparkan dengan tajuk “Penyakit misteri pneumonia China” dan dikaitkan dengan semacam jenis virus seperti influenza, adenovirus dan patogen pernafasan (“China sah kes misteri”, 2020). Bilangan paparan berita berkaitan China juga meningkat pada bulan Februari diakibatkan oleh kes jangkitan dan angka kematian yang meningkat pada bulan tersebut di China. Tambahan lagi, negara-negara lain seperti Jepun, Korea, Negeri Thai mula melaporkan bahawa telah mengesan penyakit berkenaan. Dalam sidang akhbar Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) yang diadakan pada 12 Februari 2020 telah dilaporkan terdapat 44,730 kes jangkitan di negara China dan 441 kes dari 24 buah negara yang lain (“Coronavirus 12 February”, 2020). Pada awal bulan Februari, Harian Metro melaporkan bahawa seorang wanita Filipina telah disahkan dijangkiti penyakit misteri terbabit dan merupakan kes pertama yang dikesan di luar China (“Korban pertama coronavirus”, 2020). Sementara itu, semua akhbar melaporkan bahawa Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah menamakan penyakit tersebut sebagai 2019 n-CoV Novel Coronavirus.

Pada bulan Mac, situasi politik di Malaysia keclaruan apabila berlakunya peralihan kerajaan Pakatan Harapan kepada Pakatan Nasional. Bagaimanapun, topik berkaitan dengan Covid-19 dan China tetap menjadi fokus utama. Menurut Awani, China mencapai kejayaan yang boleh dibanggakan kerana pakar sains China telah mengenalpasti patogen, susunan genetik dan berkongsi penemuan tersebut dengan WHO dan beberapa buah negara lain (Razak Chik, 2020). Laporan turut menyentuh dan memuji langkah penutupan atau kawalan pergerakan sepenuhnya di bandar Wuhan untuk membanteras penularan wabak coronavirus yang tidak mungkin dapat dilakukan oleh negara lain. Namun laporan ini juga mengkritik China bahawa “China cuba menyembunyikan epidemik” dan memandang remeh akan hal tersebut pada permulaannya. Dipercayai bahawa banyak nyawa dapat diselamatkan sekiranya China lebih telus dalam berkongsi maklumat tentang wabak ini. Hal berkenaan Lee Wenliang dan doktor-doktor lain yang mengumumkan keadaan epidemik ditegur juga disampaikan dalam liputan berita ini. Li Wenliang dikenali sebagai “*whistle blower*” wabak coronavirus telah memberi amaran tentang kemunculan virus baru yang mampu membawa maut ini. Beliau dan tujuh orang doktor secara terbuka membincangkan virus ini di media sosial pada bulan Disember dan telah dihukum oleh polis di Wuhan dengan menandatangani satu kenyataan yang memperakui dirinya melakukan kesalahan. Li Wenliang meninggal dunia pada 7 Februari 2020 akibat jangkitan virus ini (“Dr Li Wenliang, doktor yang beri amaran tentang coronavirus meninggal dunia”, 2020).

Dari April hingga September 2020, kelima-lima buah akhbar kajian masih melaporkan tentang wabak Covid-19, tetapi kekerapan dan jumlahnya dilihat

semakin berkurangan, khususnya pada bulan Ogos dan September, iaitu hanya sekitar 10 buah artikel sahaja secara puratanya. Hal ini demikian kerana pada ketika itu, epidemik di China telah dapat dikawal manakala kes jangkitan di negara lain pula meningkat dengan ketara. Oleh itu, akhbar-akhbar banyak menfokuskan kes-kes jangkitan, kematian dan juga perkembangan wabak Covid-19 di negara sendiri. Dalam tempoh lima bulan ini, kesemua akhbar yang dikaji telah mula membincangkan dan memaparkan artikel berkaitan vaksin yang dihasilkan oleh penyelidik China. Antaranya ialah Sinar Harian yang menyiarkan berita tentang vaksin Sinopharm sedia untuk digunakan pada penghujung tahun 2020 (“Vaksin berpotensi Sinopharm”, 2020).

Memasuki bulan Oktober dan November, laporan tentang wabak Covid-19 di China meningkat sedikit khususnya dalam Berita Harian, Sinar Harian dan Awani. Sinar Harian telah menyiarkan berita tentang kesediaan China bekerjasama secara global dalam penghasilan vaksin Covid-19. Presiden China Xi Jinping telah menyampaikan hasrat China ini dalam Sidang Kemuncak Kumpulan 20 (G20) (“China sedia kerjasama global”, 2020). Pada masa yang sama, semua media yang dikaji memaparkan berita tentang negara Malaysia akan diberikan keutamaan oleh China untuk memperoleh bekalan vaksin buatan China. Walau bagaimanapun, terdapat tuduhan daripada Nikei Asia bahawa China menuntut Malaysia untuk melepaskan 60 orang nelayan yang mencerobohi perairan Malaysia sebagai ganti kepada vaksin yang akan dibekalkan (Alhadjri, 2020). Tuduhan ini disangkal oleh jurucakap kedutaan China di Malaysia, iaitu Tang Tang dengan hujahan bahawa pemberian vaksin kepada Malaysia adalah sebagai tanda keakraban dan kerjasama yang sangat komprehensif antara Malaysia dengan China.

Pada bulan Disember, isu Covid-19 di China masih lagi dibincangkan dan dipaparkan tetapi kebanyakannya adalah berkaitan dengan isu vaksin khususnya tentang pensijilan “halal” terhadap vaksin China. Insiden ini terjadi apabila pada tanggal 7 November 2020, Menteri Sains Teknologi dan Inovasi Malaysia dalam ucapannya telah menguar-kuarkan bahawa kerajaan akan memperuntukkan sejumlah tiga billion Ringgit Malaysia untuk vaksin dan vaksin daripada China menjadi pilihan utama. Hal ini menjadi bualan hangat masyarakat Islam Malaysia kerana terdapat keraguan dalam status halal vaksin dari China. Sebagai tindak balas kepada hal ini, Kementerian Kesihatan Malaysia telah menyangkal tuduhan segelintir pihak berkaitan vaksin buatan China adalah tidak selamat dan tidak berkesan. Awani melaporkan bahawa Ketua Pengarah Kesihatan di Kementerian Kesihatan Malaysia Tan Sri Dr Noor Hisham menegaskan bahawa China mempunyai kepakaran dan pengalaman berhubung pembangunan vaksin di bawah Pertubuhan Kesihatan Sedunia dan beliau mengkritik akhbar yang telah menyampaikan maklumat palsu sehingga menyebabkan kekeliruan (Hilmi, 2020).

Melalui penelitian dan analisis di atas, dapat dinyatakan bahawa laporan berita dalam akhbar berbahasa Melayu yang dikaji selaras dengan analisis Teori Pembengkakan Manheim dan Albritton (1994) bahawa liputan berita biasanya akan merangkumi aspek keterlihatan, yakni jumlah dan tahap kepentingan yang diberikan terhadap sesuatu isu. Laporan Covid-19 berkaitan China telah diberi perhatian yang berat dan tahap kepentingan yang tinggi dalam media sepanjang tahun 2020. Liputan isu Covid-19 telah ditempatkan dalam halaman yang penting agar mencapai keterlihatan yang tinggi.

Sumber Berita Isu Covid-19 Dalam Akhbar Cetak dan Atas Talian Berbahasa Melayu

Dalam kelima-lima buah media yang dikaji, terdapat lima sumber yang digunakan dalam mendapatkan sesuatu liputan berita, iaitu Agence France Presse (AFP), The Associated Press (AP), Reuters, agensi berita Xinhua, agensi berita Bernama, dan agensi berita lain (Agensi).

Jadual 2: Sumber berita isu Covid-19 dalam lima akhbar berbahasa Melayu

Akhbar	Berita Harian	Sinar Harian	Harian Metro	Awani	Malaysiakini	Jumlah	Peratus
Agence France Press	164	75	74	2	0	315	28.0
Reuters	81	0	0	54	0	135	12.0
Bernama	6	5	10	41	45	107	9.5
Xinhua News Agency	3	12	3	0	2	20	1.8
Associated Press	11	0	0	1	0	12	1.1
Sumber dari agensi lain	60	122	28	10	7	227	20.2
Sumber sendiri	55	41	25	135	52	308	27.4
Jumlah	380	255	140	243	106	1124	100.00

Berdasarkan jadual 2, didapati Agence France Presse (AFP) merupakan sumber utama berita Covid-19 yang berkaitan dengan China, iaitu 28% daripada jumlah berita yang dianalisis. Antara lima buah media yang dikaji, Berita Harian paling banyak menggunakan sumber berita daripada AFP, merangkumi 43.2% daripada jumlah berita. Seperkara yang perlu diberi perhatian ialah sungguhpun kesemua liputan berita adalah berkaitan dengan negara China tetapi media-media ini jarang menggunakan berita daripada agensi berita Xinhua, iaitu hanya 1.8%. Jelas sekali, media tempatan cenderung mengambil berita daripada negara Barat

sebagai sumber berita walaupun berita yang berkaitan dengan China. Ini mungkin kerana sukar untuk mendapat berita daripada agensi akhbar China. Sementara itu, Malaysiakini dan Awani masing-masing menggunakan berita daripada Bernama atau laporan yang diolah sendiri sebagai sumber rujukan utama dalam penerbitan artikel tentang isu Covid-19 berkaitan China.

Kolum Pemaparan Isu Covid-19 Dalam Lima Akhbar Berbahasa Melayu

Dalam lima buah media yang dikaji, Awani dan Malaysiakini merupakan media atas talian. Oleh itu, dua buah media ini tidak mempunyai kolum seperti akhbar cetakan. Analisis menunjukkan bahawa isu Covid-19 berkaitan China banyak dipaparkan dalam kolum global atau antarabangsa. Tambahan lagi, disebabkan agensi antarabangsa merupakan pembekal liputan berita, amatlah tidak asing untuk berita-berita ini ditempatkan di bahagian global. Ini dapat dilihat dalam Jadual 3 yang menunjukkan bahawa 65% artikel yang dipaparkan adalah dalam kolum global sementara 29.6% dipaparkan dalam kolum nasional. Isu Covid-19 yang berkaitan dengan China juga dipaparkan dalam bahagian kolum nasional kerana berita-berita yang dilaporkan tersebut ada kaitannya dengan negara Malaysia. Misalnya, Berita Harian pada 5 Februari 2020 melaporkan seorang kanak-kanak perempuan warga China di Langkawi yang sebelum ini positif koronavirus (2019-ncov) telah pulih dan bebas sepenuhnya daripada jangkitan (“Budak warga China kes pertama pulih di Malaysia”, 2020).

Jadual 3: Kolum paparan isu Covid-19 dalam lima akhbar berbahasa Melayu

Kolum	Berita Harian	Sinar Harian	Harian Metro	Jumlah	Peratus (%)
Nasional	102	48	79	229	29.6
Komentari	14	19	8	41	5.3
Global	263	188	53	504	65.0
Sukan	1	0	0	1	0.1
Jumlah	380	255	140	775	100.00

Kajian ini juga mendapati bahawa terdapat logo tajuk kecil “Covid-19” diberikan kepada setiap artikel yang berkaitan dengan isu tersebut khususnya di bahagian nasional dan global. Liputan berita berkaitan Covid-19 di China ini banyak dipaparkan di bahagian nasional yang mampu menarik perhatian pembaca semasa permulaan dan ketika wabak pada waktu kemuncaknya, iaitu sekitar Januari hingga Mac. Ini adalah selaras dengan teori Framing Entman (1993) yang menitikberatkan pemilihan aspek tertentu dan menjadikannya lebih menonjol untuk mempromosikan topik yang dipaparkan.

Dari Januari hingga awal Februari, Berita Harian telah melabel isu-isu Covid-19 dengan “penularan koronavirus”. Tajuk ini kemudiannya ditukar kepada “penularan Covid-19” dari pertengahan Mac hingga Disember. Sebagai contoh, dengan label kecil “penularan koronavirus”, artikel tentang kerajaan China membenarkan 120 orang rakyat Malaysia di Wuhan pulang ke tanah air telah dipaparkan (Safeek Affendy, 2020) manakala bagi label kecil “penularan Covid-19” berita tentang beberapa ribu orang rakyat China ditahan kerana telah melakukan kesalahan berkaitan Covid-19 disiarkan (“Ribuan ditahan atas jenayah”, 2020). Seperti mana yang ternyata dalam bahagian sebelum ini, liputan berita pada bulan Disember banyak berkaitan dengan keselamatan vaksin yang dihasilkan oleh negara China. Berita Harian telah memaparkan liputan tentang Kementerian Kesihatan Malaysia menafikan laporan sebuah akhbar yang mengatakan vaksin China tidak selamat digunakan dan menegaskan bahawa China telah mengeluarkan pelbagai vaksin sebelum ini dengan kerjasama Pertubuhan Kesihatan Sedunia (Rafidah dan Noor Atiqah, 2020).

Bagi Harian Metro, label kecil yang digunakan dari Januari hingga Mac ialah “Virus Wuhan”. Sebagai contoh adalah artikel yang menyatakan bahawa China yang berjaya menemui genom telah menyerahkannya kepada Moscow untuk bersama-sama melakukan penyelidikan bagi penghasilan vaksin (“China serah genom koronavirus”, 2020). Pada penghujung Mac, Harian Metro telah menukar label kecil ini dengan “Pandemik Covid-19”.

Sinar Harian pula menggunakan label kecil “Ancaman koronavirus di China” dari bulan Januari hingga Mac. Sebagai contoh, berita tentang 40 orang pegawai perubatan dan jururawat di sebuah hospital di China telah terdedah kepada wabak koronavirus dipaparkan pada awal bulan Februari (“40 kakitangan hospital”, 2020). Pada bulan April, Sinar Harian menukar label kecil ini kepada “Memerangi wabak Covid-19”. Antara berita yang dipaparkan menggunakan label kecil ini adalah seperti yang diterbitkan pada tanggal 8 April, iaitu berkaitan kucing berkemungkinan dijangkiti wabak Covid-19 (“Potensi Covid-19”, 2020).

Dalam kolum komentar, artikel berkaitan Covid-19 hanya merangkumi 5.3% sahaja. Hasil kajian menunjukkan bahawa pada permulaan penyebaran Covid-19, kebanyakan komen cenderung untuk menyalahkan China. Sebagai contoh, Datuk Kadir Jasin yang merupakan penasihat Media dan Komunikasi Pejabat Perdana Menteri pada ketika itu telah menyatakan bahawa China harus bertanggungjawab atas penyebaran virus yang berlaku dalam sosial media (“Kadir Jasin minta China”, 2020). Bagaimanapun, selepas masyarakat umum memahami akan situasi yang berlaku, mengadaptasi normal baharu, faham akan wabak Covid-19 dan melihat segala kesungguhan dan kejayaan China dalam memerangi dan mengawal wabak ini, penilaian terhadap China mulai berubah kepada positif. Sebagai contoh, bahagian komentar dalam Sinar Harian, seorang doktor telah

menggesa kerajaan mengimplementasikan kaedah rawatan yang digunakan oleh pasukan perubatan China untuk membendung penularan Covid-19 (Ismail, 2020). Satu lagi contoh adalah artikel bertarikh 24 Mac 2020 dalam Berita Harian yang mempertahankan China kerana tiada bukti kukuh bahawa virus Covid-19 tersebut berasal dari sebuah makmal di Wuhan (Wan Fahmi, 2020). Keadaan ini adalah seperti mana yang dinyatakan oleh Entman (1989) bahawa media berkemampuan mengubah sikap pembaca terhadap sesuatu isu atau topik yang kurang dikenali atau diketahui. Sikap sebegini akan berubah apabila pembaca memahami keadaan sebenar atau mempunyai pengetahuan yang lebih mendalam tentang isu tersebut.

Penggunaan atau penamaan tajuk dan label kecil tertentu untuk liputan berita yang berkaitan dengan isu Covid-19 dalam akhbar pula menunjukkan media akhbar cuba menonjolkan isu-isu tersebut demi meningkatkan keterlihatannya untuk menarik perhatian pembaca-pembaca (Manheim dan Albritton, 1984).

Pecahan Komponen Isu Covid-19 Dalam Lima Akhbar Bahasa Melayu

Kajian ini membahagikan isu Covid-19 kepada enam komponen utama, iaitu latar belakang, pengawalan dan pencegahan, situasi epidemik, kerjasama dan bantuan, tuduhan dan jenayah.

Pertama sekali, kajian ini mendapati bahawa daripada 1124 buah artikel Covid-19 berkaitan China yang diterbitkan, 365 buah artikel adalah berkisar tentang latar belakang Covid-19, iaitu termasuklah asal-usul virus Covid-19, penyakit misteri, penemuan koronavirus, penamaan Covid-19 oleh WHO dan sebagainya. Artikel-artikel ini merangkumi kira-kira 32.5% daripada jumlah keseluruhan artikel. Sebagai contoh, pada tanggal 19 Januari, Sinar Harian menyentuh tentang virus misteri yang boleh membawa maut sedang melandai China dan virus ini mempunyai persamaan sebanyak 86% dengan susunan gen SARS (“Wabak misteri Wuhan”, 2020). Pada hujung tahun pula, Awani melaporkan bahawa WHO telah menghantar 10 orang saintis untuk menyelidik latar belakang dan asal-usul virus berkenaan (“WHO hantar saintis ke Wuhan”, 2020). Kedua, sebanyak 286 buah artikel adalah berkaitan dengan situasi epidemik semasa di China, termasuk jumlah jangkitan, kematian dan penurunan yang merangkumi kira-kira 25.4% daripada keseluruhan artikel. Sebagai contoh, pada 18 Jun Awani melaporkan peningkatan kes jangkitan Covid-19 di Beijing dan kementerian kesihatannya melakukan saringan secara besar-besaran di wilayah tersebut (“Proses saringan Covid-19”, 2020). Dari segi pengawalan dan pencegahan pula, artikel yang terlibat adalah 146 buah, iaitu bersamaan 13% daripada keseluruhan jumlah artikel. Contohnya, Malaysiakini menerbitkan artikel tentang Ezhou, Huanggang, Chibi, Xiantao, Zhejiang dan Qianjiang menghadapi nasib yang

sama dan dikenakan sekatan pergerakan selepas penutupan bandar Wuhan (“Koronavirus: China perluas sekatan perjalanan”, 2020).

Di bawah komponen kerjasama dan bantuan antara China dengan masyarakat antarabangsa atau antara China-Malaysia, terdapat 265 buah artikel atau 23.6% daripada jumlah artikel. Kerjasama antara China dengan dunia antarabangsa adalah termasuk kerjasama penyelidikan virus, penyelidikan dan pembuatan vaksin, dan juga bantuan perubatan kepada negara yang memerlukan. Dalam konteks Malaysia-China pula, dapat dilihat bahawa kedua-dua buah negara saling memberi bantuan dalam menyekat dan mengawal penularan Covid-19. Ini dapat dibuktikan semasa China mengalami sedikit kesukaran pada permulaan wabak Covid-19, Malaysia telah menghulurkan bantuan perubatan terutamanya sarung tangan getah yang sangat diperlukan pada masa tersebut. Pada pertengahan tahun 2020 pula, ketika Malaysia mengalami kesukaran dalam melawan Covid-19, China menghulurkan bantuan perubatan seperti alat bantuan penafasan, tenaga keparamedical dan pelitup muka. Berita Harian mengeluarkan artikel yang berkisar tentang bantuan China yang terdiri daripada 100,000 kit diagnostik asid, kit ujian (100,000 unit), pelitup muka N95 (500,000 unit), pelitup muka pembedahan (50,000 unit) dan peralatan perlindungan diri (200 unit) (“KDN terima sumbangan dari China”, 2020). Berita Harian juga memaparkan artikel yang menyatakan bahawa Duta Besar China ke Malaysia mengucapkan penghargaan kepada kerajaan dan rakyat Malaysia atas bantuan yang disalurkan semasa China dalam keadaan memerlukan bantuan (Bai, 2020).

Jadual 4: Komponen isu Covid-19 dalam lima akhbar berbahasa Melayu

Komponen	Berita Harian	Sinar Harian	Harian Metro	Awani	Malaysiakini	Jumlah	Peratus
Latar belakang	65	43	61	133	63	365	32.5
Pencegahan dan pengawalan	70	40	7	12	17	146	13.0
Situasi pandemik	109	91	28	51	7	286	25.4
Bantuan dan kerjasama	104	58	41	45	17	265	23.6
Tuduhan	27	11	0	1	0	39	3.5
Jenayah	5	12	3	1	2	23	2.0
Jumlah	380	255	140	243	106	1124	100.00

Tidak banyak artikel yang berkaitan tuduhan seperti pemalsuan data kadar kematian dan jangkitan yang dikeluarkan oleh China dipaparkan dalam kelima-lima buah media, iaitu hanya merangkumi 3.5% sahaja. Semua artikel ini diambil daripada agensi media luar negara seperti Reuters, AP mahupun AFP. Sebagai contoh, berita yang dikeluarkan oleh Berita Harian yang diambil dari AFP, berkisar tentang kritikan pemenang hadiah Nobel dari Peru terhadap kerajaan China. Mario Vargas Llaso telah mengkritik dan menuduh kerajaan China memanipulasikan data dan menutupi wabak berkenaan sehingga tersalah mengendalikannya (“China selar kenyataan penerima hadiah Nobel”, 2020).

Komponen terakhir adalah yang berkaitan dengan penjenayahan. Kelima-lima buah media melaporkan kes-kes jenayah yang berkaitan dengan pencegahan dan pengawalan Covid-19, termasuk kes melawan langkah-langkah pencegahan dan pengawalan, pergaduhan, penipuan dan sebagainya. Contohnya Harian Metro melaporkan beribu-ribu rakyat China ditahan dan dijatuhkan hukuman kerana melakukan jenayah yang berkaitan dengan Covid-19 (“5800 ditahan atas jenayah”, 2020). Sinar Harian pula melaporkan bahawa seorang wartawan di China dihukum empat tahun penjara kerana telah menyebabkan kekacauan dan kebimbangan dalam kalangan masyarakat setempat dengan menyebarkan berita yang tidak benar tentang penyakit pneumonia koronavirus melalui siaran langsung atas talian (“Wartawan lapor Covid-19 dipenjara”, 2020).

Kecenderungan Sikap Lima Akhbar Berbahasa Melayu

Liputan berita sama ada berita umum mahupun kritikan, secara tidak langsung mampu menunjukkan kecenderungan sikap sesebuah media. Dalam proses penyebaran berita, kecenderungan sesuatu berita itu sentiasa wujud. Setiap media boleh memaparkan berita-berita selaras dengan kebebasan bersuara selagi tidak menyalahi dan melanggar undang-undang. Begitu juga dari segi pandangan dan pemahaman mengikut ideologi politik, nilai, kepentingan dan sebagainya, media akan serba sedikit secara langsung atau tidak langsung menunjukkan kecenderungan masing-masing. Selain itu, bahagian komentar juga dengan jelas melambangkan pandangan atau pendirian seseorang dan sesuatu institusi tentang isu atau topik yang dibincangkan. Entman (2007) telah menegaskan bahawa melalui pemilihan topik dan penekanan terhadap aspek-aspek tertentu serta cara pemaparan isu-isu tersebut, media mampu menambahkan unsur “bias” tertentu yang dapat mempengaruhi cara maklumat tersebut diterima atau difahami dan sekaligus membentuk pemahaman masyarakat terhadap isu tersebut. Menurut Merrill (1965), kata-kata bias yang terdapat dalam pelaporan berita, termasuk *noun bias*, *adjective bias*, *verb bias*, *adverbial bias* dan *outright opinion* mampu memaparkan sikap, pandangan akhbar atau pemberita terhadap sesuatu topik yang dilaporkan. Dengan perhatian atau kecenderungan yang diberi oleh media ini, masyarakat cenderung mengubah sikap mereka terhadap sesuatu isu atau

topik yang kurang dikenali atau kurang diketahui (Entman,1989). Proses menarik perhatian yang secara tidak langsung ini juga berkemungkinan mampu menimbulkan reaksi yang berbeza (Griffin, 2003). Kecenderungan juga merupakan aspek yang penting dalam pemaparan imej sesebuah negara. Ini kerana valensi wacana atau pembawaan unsur-unsur positif atau negatif dalam liputan berita mampu menunjukkan sejauhmana sesuatu penyampaian berita mencerminkan baik buruk tentang sesuatu isu dan tahap kandungan yang tersedia itu akan mencerminkan sama ada baik atau tidak baik pada negara (Manheim dan Albritton, 1984). Sehubungan itu, media sentiasa dilihat bukan sahaja dapat mempengaruhi persepsi seseorang, tetapi juga berkeupayaan untuk membentuk suatu sikap masyarakat melalui apa yang digambarkan dan disampaikannya.

Merujuk jadual 5, daripada 1124 dapatan kajian, didapati 255 buah artikel atau 22.7% adalah bersifat positif. Contohnya, artikel yang berkisar tentang penghargaan kepada China dalam membekalkan Malaysia dengan vaksin yang dihasilkan dan menyenaraikan Malaysia sebagai penerima utama (Rafidah, 2020). Penghargaan juga diberikan kepada China atas kesudian China berkongsi vaksin dengan masyarakat sejagat. Selain itu, artikel yang memuji keberhasilan China dalam mencegah dan melawan pandemik Covid-19 layak dipelajari dan dicontohi oleh Malaysia disiarkan dalam Sinar Harian pada 19 Mac 2020 (Ismail, 2020).

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa kecenderungan neutral mendominasi, iaitu terdiri daripada 863 buah artikel bersamaan dengan 76.8%. Hal ini dikatakan demikian kerana kebanyakan artikel adalah bersifat objektif dan tidak melibatkan sebarang komentar. Contohnya, Harian Metro melaporkan Pusat Kawalan Kesihatan China (CCDC) mengesahkan bahawa sumber virus adalah berpunca daripada sebuah pasar basah yang menjual haiwan liar (“Haiwan liar punca virus”, 2020). Awani pula melaporkan keadaan terkini tentang kes jangkitan, kematian dan situasi yang berlaku di China. Pada bulan Disember pula, banyak artikel berkaitan dengan vaksin. Sebagai contoh, Harian Metro mengeluarkan artikel yang berkisar tentang Malaysia membayar sebanyak dua billion Ringgit Malaysia bagi memperoleh vaksin termasuklah vaksin Sinovac dari China (“Tambah lagi 10 peratus dos”, 2020).

Kecenderungan negatif adalah kurang, kebanyakannya berkaitan dengan pandangan dan pendirian seseorang individu. Bagaimanapun, tidak dapat dinafikan bahawa pandangan atau pendirian ini serba sedikit melambangkan persepsi masyarakat Malaysia terhadap China. Antaranya adalah seperti artikel yang disiarkan oleh Sinar Harian pada tanggal 25 Januari 2020, berkenaan Penasihat Media dan Komunikasi Perdana Menteri menggesa China untuk bertanggungjawab atas penularan virus yang berlaku (“Kadir Jasin minta China bertanggungjawab”, 2020). Pada tarikh yang sama juga, terdapat komentar dalam

Berita Harian yang meluahkan kekecewaan terhadap tindakan China dan negara lain yang menyebabkan Tahun Melawat Malaysia 2020 terjejas (“Tindakan China jejas sektor pelancongan”, 2020).

Jadual 5: Kecenderungan sikap lima akhbar berbahasa Melayu

Kecenderungan	Berita Harian	Sinar Harian	Harian Metro	Awani	Malaysiakini	Jumlah	Peratus
Positif	111	65	20	44	15	255	22.7
Neutral	266	187	120	199	91	863	76.8
Negatif	3	3	0	0	0	6	0.5
Jumlah	380	255	140	243	106	1124	100.00

Analisis di atas menunjukkan kebanyakan liputan berita yang dipaparkan dalam akhbar berbahasa Melayu berkecenderungan sikap neutral. Ini disebabkan kebanyakan berita merupakan laporan keadaan semasa berkenaan perkembangan penularan Covid-19 di negara China. Di samping itu, berita berkecenderungan positif adalah melebihi berita negatif memandangkan keakraban hubungan China-Malaysia yang sama-sama berganding bahu dalam menghadapi dan mencegah penularan wabak ini dititikberatkan oleh akhbar-akhbar yang dikaji.

PENUTUP

Tuntasnya, daripada keseluruhan dapatan kajian, pengkaji mendapati lima media akhbar yang dikaji telah memberikan laporan yang sepenuhnya tentang isu Covid-19 berkaitan dengan China. Kajian ini menunjukkan beberapa intipati penting. Kebanyakan sumber berita diperoleh daripada agensi-agensi berita Barat. Oleh itu, berita-berita yang diterbitkan boleh dikatakan telah memaparkan China dari sudut pandangan negara Barat. Hal ini juga telah menggambarkan atau melambangkan pandangan sesetengah orang terhadap China. Terdapat banyak berita atau artikel yang positif dan neutral berbanding negatif. Hal ini demikian kerana keketatan pemahaman terhadap keadaan semasa China terutamanya pada peringkat permulaan penularan penyakit Covid-19 itu sendiri. Dengan pemahaman yang lebih mendalam seperti setelah kejayaan yang dipaparkan oleh China dalam mengawal dan mencegah pandemik, tuduhan dan keraguan terhadap China berkurang dengan drastik. Ini dapat dibuktikan apabila China berjaya mengawal pandemik dan menghasilkan vaksin, banyak pujian dan cadangan untuk mencontohi China telah diberikan. Keakraban dalam persahabatan dan

hubungan erat antara China dengan Malaysia juga telah ditunjukkan. Semasa wabak tengah pada kemuncaknya di China, Malaysia telah menghantar bantuan kepada China, dan apabila wabak tersebut berada pada tahap kemuncaknya di Malaysia, China pula menghulurkan bantuan dan bersama-sama melawan dan mencegah penularan Covid-19. Hal ini dapat dibuktikan apabila Duta Besar China ke Malaysia Ouyang Yujing, menyerahkan cek simulasi untuk dana program bantuan “Pakej Harapan” kepada Majlis Belia Malaysia. Beliau menyatakan bahawa persahabatan antara China dengan Malaysia telah menjangkau beribu-ribu tahun, dan rakyat kedua-dua buah negara sentiasa membantu antara satu sama lain. Dalam menghadapi Covid-19, kerajaan, parti politik, pertubuhan bukan kerajaan dan pihak-pihak lain dari China dan Malaysia saling membantu dengan menghantar bekalan perubatan ke Malaysia dan sebaliknya untuk menangani penularan wabak Covid-19 (Embassy of the People's Republic of China in Malaysia, 2021). Ini jelas menunjukkan semangat *Asian Community with a Shared Future* yang sentiasa saling berganding bahu bagi menjayakan pembangunan masa hadapan kedua-dua buah negara.

Secara ringkasnya, siri artikel tentang Covid-19 yang berkaitan dengan China oleh akhbar cetakan dan atas talian yang dikaji ini menjadi wadah bagi pembaca rakyat Malaysia khususnya yang berbahasa Melayu untuk memahami dan mengikuti perkembangan wabak Covid-19 di China. Selain itu, juga telah menunjukkan sudut dan cara media berbahasa Melayu memaparkan isu-isu berkaitan China. Analisis kajian ini diharapkan mampu menjadi inspirasi dalam mempromosikan pembangunan yang mampan antara Malaysia dengan China.

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan penghargaan kepada Shafiq Aqil Shamsuddin yang telah membantu dalam menjalankan penyelidikan.

RUJUKAN

- Alexander Liss. 2003. Images of China in the American print media: A survey from 2000 to 2002. *Journal of Contemporary China*, 12(35):299-318.
- Alzahrin Alias. 2020. China rakan dagang terbesar Malaysia sejak 2009. Berita Harian. 31 Disember. Diperoleh daripada <https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2020/12/770653/china-rakan-dagang-terbesar-malaysia-sejak-2009>.
- Alhadjri, A.. 2020. Kedutaan China: Janji akses vaksin tiada kaitan pembebasan kapal nelayan. *Malaysiakini*. 5 November. Diperoleh daripada <https://www.malaysiakini.com/news/549598>

- AWANI. 2020. Dr Li Wenliang, doktor yang beri amaran tentang coronavirus meninggal dunia. 7 Februari. Diperoleh daripada <https://www.astroawani.com/berita-dunia/dr-li-wenliang-doktor-yang-beri-amaran-tentang-koronavirus-meninggal-dunia-230080>.
- AWANI. 2020. Proses saringan Covid-19 di Beijing diteruskan. 18 Jun. Diperoleh daripada https://www.astroawani.com/berita-dunia/proses-saringan-covid19-di-beijing-diteruskan-247792?_ga=2.88673563.166156618.1604145521-1666123700.1604145520
- AWANI. 2020. WHO hantar saintis ke Wuhan, siasat punca penyakit Covid-19. 17 Disember. Diperoleh daripada <https://www.astroawani.com/berita-dunia/who-hantar-saintis-ke-wuhan-siasat-punca-penyakit-covid19-273480>
- Bai Tian. 2020. China hargai sumbangan 'rakan' bantu perangi wabak. *Berita Harian*. 12 Februari. Diperoleh daripada <https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2020/02/654912/china-hargai-sumbangan-rakan-bantu-perangi-wabak>.
- Berita Harian*. 2014. BH catat peningkatan edaran tertinggi. 27 November. Diperoleh daripada BH catat peningkatan edaran tertinggi.
- Berita Harian*. 2020. China sah kes misteri radang paru-paru. 4 Januari, 56.
- Berita Harian*. 2020. Malaysia sumbang 18 juta sarung tangan ke Wuhan. 1 Februari, 6.
- Berita Harian*. 2020. Tindakan China jejas sektor pelancongan. 25 Januari, 24.
- Berita Harian*. 2020. Doktor beri amaran virus meninggal. 8 Februari, 38.
- Berita Harian*. 2020. Budak warga China kes pertama pulih di Malaysia. 5 Februari, 4.
- Berita Harian*. 2020. China selar kenyataan penerima hadiah Nobel. 18 Mac, 35.
- Berita Harian*. 2020. KDN terima sumbangan dari China. 31 Mac, 7.
- Berita Harian*. 2020. Ribuan ditahan atas jenayah berkait virus. 1 September, 41.
- Bomstart. 2019. Senarai top 10 berita / Newspaper online di Malaysia 2019. 20 Mei. Diperoleh daripada <https://bomstart.my/top-10-berita-newspaper-online-di-malaysia-2019/>.
- Bosman, Jan and Leen d'Haenens. 2008. News reporting on Pim Fortuyn: framing in two Dutch newspapers. *Media, Culture & Society*, Vol. 30(5): 735–48.
- Michael Bruggemann. 2014. Between frame setting and frame sending: how journalists contribute to news frames. *Communication Theory*, Vol. 24(2014):61-82.
- Cheng Manli. 2002. An analysis on China-related reporting from major newspaper in the United States, Russia, Japan and Germany. *Chinese Journal of Journalism & Communication*, (4): 22-27.
- David H. Weaver. 2007. Thoughts on agenda setting, framing, and priming. *Journal of Communication*, Vol. 57(1): 142-47.
- Entman, Robert M. 1989. How the media affect what people think: an information processing approach. *The Journal of Politics*, 51(2): 347–70.
- Entman, Robert M. 1993. Framing: toward classification of a fractured paradigm. *Journal of Communication*, 43(4): 51–58.
- Entman, Robert M. 2007. Framing bias: media in the distribution of power. *Journal of Communication*, Vol. 57(1): 163–73.
- Gan, Faith, Joo Leng Teo and Benjamin H. Detenber. 2005. Framing the battle for the White House: a comparison of two national newspapers' coverage of the 2000 United States presidential election. *Gazette*, Vol. 67(5): 441–67.
- Griffin, Emory A. and Glen Arthur McClish. 2003. *A First Look at Communication Theory*. Boston: McGraw-Hill.

- Harian Metro*. 2014. *Harian Metro* kekal akhbar harian Melayu terunggul. 28 November. Diperoleh daripada <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2014/11/12540/harian-metro-kekal-akhbar-harian-melayu-terunggul>.
- Harian Metro*. 2020. Haiwan liar punca virus. 28 Januari, 25.
- Harian Metro*. 2020. China serah genom koronavirus kepada Rusia. 30 Januari, 25.
- Harian Metro*. 2020. Korban pertama koronavirus di Filipina. 3 Februari, 23.
- Harian Metro*. 2020. 5800 ditahan atas jenayah berkait Covid-19. 1 September, 24.
- Harian Metro*. 2020. Tambah lagi 10 peratus dos. 23 Disember, 6.
- He Ying. 2004. Constructivism analysis upon US media's negative cover towards China after the Cold War. PhD's diss., Fudan University.
- Hilmi Malik. 2020. KKM nafi vaksin keluaran China tidak selamat. *AWANI*. 9 Disember. Diperoleh daripada https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kkm-nafi-vaksin-keluaran-china-tidak-selamat-272443?_ga=2.261033101.1826442103.1623232582-557018208.1621224744.
- Ismail. 2020. Ikut kuarantin cara China. *Sinar Harian*. 19 Mac, 18.
- Khoo Gek San. 2020. Malaysia hulus bantuan kepada China lawan Covid-19. *The Malaysian Insight*. 14 Februari. Diperoleh daripada <https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/218886>.
- Kirk, J., & Miller, M. L. 1986. *Reliability and Validity in Qualitative Research*. California: Newbury Park. Diperoleh daripada <https://methods.sagepub.com/book/reliability-and-validity-in-qualitative-research>.
- Lexy J. Moleong. 2007. *Metodologi Penelitian Kualitatif*. Bandung: Penerbit PT Remaja Rosdakarya.
- Li Duorong. 2009. Analysis of China images in the Chosun Ilbo of Korea. Master's diss., Nankai University.
- Li Kebao. 2019. Research on the change of China's image in Russian media. *The Northern Forum*, (3):89-96.
- Li Qianqing. 2012. Analyse the reports of China by Japanese mainstream media Asahi News. Master's diss., Fudan University.
- Li Rui. 1998. Research on TIME reporting on China-related issues. *Journal of Foreign Affairs College*, (2): 52-57, 91.
- Li Xin. 2010. Research on USA Today newspapers reporting on China-related issues. Master's diss., Northwest University, China.
- Li Yingpo. 2020. On the Washington Post's report on China's stock-market storm at the beginning of 2016. *Journal of Contemporary China*, 7(2):53-71.
- Liu Hua. 2013. China's national image in TIME—taking example for China-related events reported in 2011. Master's diss., Guangxi University.
- Liu Wenyu, Mao Weiwei. 2020. Discourse analysis of the image of China in African newspaper. *Foreign Language Research*, (2):9-15.
- Ma Jing. 2014. A study on China's image in the Tajikistan mainstream media. Master's diss., Xinjiang Normal University.
- Malaysiakini*. 2018. Pelancong China paling ramai melawat Malaysia – Bakhtiar. 8 Disember. Diperoleh daripada <https://www.malaysiakini.com/news/455275>.
- Malaysiakini*. 2020. Koronavirus: China perluas sekatan perjalanan ke atas 7 bandar. 24 Januari. Diperoleh daripada <https://www.malaysiakini.com/news/508305>.

- Manheim, Jarol B. and Robert B. Albritton. 1984. Changing national images: international public relations and media agenda setting. *American Political Science Review*, 78(3): 641–57.
- Merrill, J.C. 1965. How time stereotyped three U.S. presidents? *Journalism & Mass Communication Quarterly*, 42(4):563-570.
- Miliausha Ziiazitdinova. 2020. The image of China in Russian media. Master's diss., Nanchang University.
- Qian Cheng. 2020. An analysis of the image changes of China in the media of Russian. *Public Communication of Science Technology*, (Sept): 37-38.
- Rafidah Mat Ruzki dan Noor Atiqah Sulaiman. 2020. Dakwaan vaksin China tak selamat tidak berasas. *Berita Harian*. 9 Disember. Diperoleh daripada <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/12/763393/dakwaan-vaksin-china-tak-selamat-tidak-berasas>
- Rafidah Mat Ruzki Fidahruzki. 2020. China setuju beri status penerima utama vaksin Covid-19 kepada Malaysia. *Berita Harian*. 14 Oktober, 7.
- Razak Chik. 2020. Covid-19: China dihujani pujian dan juga kritikan bendung bencana kesihatan. *AWANI*. 4 Mac. Diperoleh daripada https://www.astroawani.com/berita-dunia/covid19-china-dihujani-pujian-dan-juga-kritikan-bendung-bencana-kesihatan-232556?_ga=2.1179825.1425432586.1603887370-270697959.1603456841
- Safeek Affendy Razali. 2020. China benar 120 rakyat Malaysia dibawa pulang. *Berita Harian*. 2 Februari, 4.
- Setiawan, J. H. Caroline, Cintia. Akbar, J. A. I. 2020. Komparasi berita negatif dan positif mengenai Covid-19 pada Situs Detik dan Kompas. *EXPOSE Jurnal Ilmu Komunikasi*, 3(2): 146-167.
- Sinar Harian*. 2020. Wabak misteri Wuhan. 19 Januari, 38.
- Sinar Harian*. 2020. Kadir Jasin minta China bertanggungjawab. 25 Januari, 6.
- Sinar Harian*. 2020. 40 kakitangan hospital dijangkiti wabak. 9 Februari, 9.
- Sinar Harian*. 2020. Potensi Covid-19 jangkiti kucing. 8 April, 10.
- Sinar Harian*. 2020. Vaksin berpotensi Sinopharm dijangka siap akhir 2020. 24 Julai, 34.
- Sinar Harian*. 2020. China sedia kerjasama global hasil vaksin Covid-19. 23 November, 33.
- Sinar Harian*. 2020. Wartawan lapor Covid-19 dipenjarakan 4 tahun. 29 Disember, 36.
- Wan Fahmi Wan Mohamad Nazarie. 2020. Tiada bukti dakwaan virus dicipta dalam makmal. *Berita Harian*. 24 Mac, 10.
- Wang Qing. 2020. The discursive construction of China's image in mainstream newspaper of South Africa, Master's diss., Zhejiang Normal University.
- WHO. 2020. Coronavirus 12 February, 2020. Diperoleh daripada <https://www.who.int/docs/default-source/coronaviruse/transcripts/who-audio-emergencies-coronavirus-full-press-conference-12feb2020-final.pdf>.
- Wong, Kok Keong. 2004. Asian-based development journalism and political elections press coverage of the 1999 general elections in Malaysia. *Gazette*, Vol. 66(1): 25–40.
- Yang Yi. 2009. Research on China-related reports of Western mainstream media and our strategy. Master's diss., Southwest University of Political Science & Law, China.
- Zhang Jian. 2007. Analysis of China-related reports of mainstream media in the United States. *International Review*, (1):51-56.

Zhen Kai. 2018. Cultural stereotypes of China's image in Russian media – Research on RIA Novosti Reporting on “Belt and Road” related issues. Master’s diss., Xinjiang University.

Zheng Chuang. 2010. Analysis of China-related reports in the TIMES of India. Master’s diss., Shanghai International Studies University.